

## BAB KELIMA

### PENUTUP

#### 1. PENDAHULUAN

Sebelum ini telah disebutkan bahawa kajian ini bukanlah bertujuan untuk mencari mana yang lebih baik antara sistem *Syūrā* dan sistem Demokrasi Pancasila. Kerana seluruh sistem kehidupan yang ada di dalam ajaran Islam adalah yang terbaik. Demokrasi Pancasila sama sekali bukan tandingan terhadap sistem yang ada di dalam Islam. Bahkan tidak ada satu sistem pun yang dapat menandingi kehebatan dan keunggulan Islam. Namun demikian keunggulan Islam tersebut terhibab dari pandangan umat Islam itu sendiri. Gejala ini semakin menguat apa bila memperhatikan kondisi dunia Islam kontemporeri. Kebanyakan negara-negara yang majoriti rakyatnya beragama Islam adalah negara yang termasuk dalam kelompok negara miskin (*poor country*) atau negara membangun (*development country*). Situasi politik, ekonomi dan sosial yang buruk sudah menjadi gambaran biasa bagi negara-negara tersebut. Kondisi ini semakin memperburuk imej Islam bagi orang yang berpandangan sempit.

Sebenarnya kemerosotan di bidang politik, sosial dan ekonomi yang terjadi di dunia Islam tiada kena mengena langsung dengan keunggulan ajaran Islam. Majoriti negara-negara yang wujud di dunia Islam menggunakan sistem yang di *import* dari barat. Sistem perundang-undangan menggunakan perundang-undangan warisan dari para penjajah. Semua akan menepuk dada dengan bangga apabila telah menggunakan sistem ekonomi kapitalis yang menguntungkan

sebahagian kecil orang kaya. Cara hidup barat mulai ditanam ke tengah-tengah umat Islam melalui akhbar-akhbar, televisyen, pusat-pusat hiburan, sistem pendidikan dan lainnya. Lalu ketika terjadi krisis, sama ada dalam politik, ekonomi mahupun sosial yang dituduh adalah Islam! Padahal mereka sendiri jauh daripada Islam.

Pembahasan-pembahasan terdahulu telah membuktikan bahawa umat Islam tidak memerlukan sistem-sistem asing. Dalam khazanah Islam terdapat seluruh apa yang diperlukan oleh umat manusia. Sistem politik Islam yang merupakan salah satu khazanah Islam terbukti lebih sesuai untuk umat Islam. Kaedah perlantikan ketua negara dalam sistem *Syūrā* telah membuktikan bahawa Islam memiliki kaedah tersendiri yang lebih unggul dan sesuai bagi umat Islam. Bahkan perlantikan ketua negara dalam sistem politik Islam dapat menyelesaikan kelemahan-kelemahan yang dimiliki oleh sistem politik konvensional.

## 2. KESIMPULAN

Perlantikan ketua negara dalam sistem *Syūrā* adalah berdasarkan musyawarah. Artinya perlantikan mestilah berdasarkan kepada suara dan kehendak rakyat. Perlantikan yang berasaskan keturunan atau kekerasan tidak diakui dalam sistem *Syūrā*. Sedangkan kaedah pelaksanaannya tidak terdapat dalil yang secara langsung menerangkan secara terperinci mengenainya. Hikmah-disebalik itu adalah kerana cara dan sistem perlantikan ketua negara adalah berbeza-beza mengikut kepada keadaan, kondisi, budaya dan perkembangan tamaddun suatu bangsa. Oleh kerana itu di dalam sistem *Syūrā* lebih ditekankan

kepada proses pelaksanaan pemilihan ketua negara. Iaitu suatu pemilihan dan perlantikan yang benar-benar berdasarkan kepada suara dan kehendak rakyat di samping selari dengan nilai-nilai syariat.

;

Berdasarkan kepada pengamalan perlantikan ketua negara pada zaman *al-Khulafā' al-Rāsyidūn* terdapat beberapa cara dalam melantik ketua negara. Pertama, perlantikan ketua negara melalui pemilihan secara langsung oleh rakyat. Kedua, perlantikan ketua negara secara tidak langsung, iaitu melalui sistem perwakilan. Di samping kedua cara tersebut ada satu cara lagi yang dinamakan dengan *al-'Ahd*. Konsep ini adalah satu cara di mana ketua negara yang lama mengajukan nama calon ketua negara yang kemudian akan dipilih dan di tentukan oleh rakyat sendiri. Walaupun terdapat perbezaan cara tersebut tetapi semuanya berdiri di atas kemahuan dan persetujuan sebenar rakyat.

Sedangkan demokrasi Pancasila yang pada awalnya hanya merupakan dasar negara telah dipaksa untuk menjadi satu sistem politik. Penjelmaan demokrasi Pancasila sebagai satu sistem politik telah dimulai pada zaman Orde Lama. Namun demikian Soekarno tidak menggunakan istilah demokrasi Pancasila tetapi menggunakan istilah demokrasi Terpimpin yang menurutnya sebagai penjelmaan dari Pancasila. Pada zaman Orde Baru, demokrasi Terpimpin telah "dimodenkan" oleh rezim Suharto yang kemudian menamakannya secara resmi sebagai demokrasi Pancasila. Walaupun berbeza nama namun hakekatnya kedua sistem tersebut adalah sama. Gelombang reformasi yang menelan biaya besar masih belum dapat menyingkirkan kepincangan-kepincangan yang terdapat dalam demokrasi Pancasila.

Setelah melakukan kajian dalam bab-bab yang lalu terbukti bahawa perlantikan ketua negara dalam demokrasi Pancasila memiliki banyak kelemahan-kelemahan. Sebaliknya, setiap kelemahan-kelemahan yang dimiliki oleh demokrasi Pancasila telah ada solusinya dalam sistem *Syūrā*.

Kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam sistem dan proses perlantikan ketua negara dalam sistem demokrasi Pancasila berpunca dari kelemahan yang terdapat dalam perlembagaan. UUD 1945 sebagai perlembagaan dan hukum tertinggi negara Republik Indonesia memiliki banyak kelemahan. Khas mengenai proses dan sistem pemilihan serta perlantikan ketua negara tidak terdapat aturan yang jelas dalam perlembagaan. Hal yang sama berlaku pada jumlah dan kedudukan MPR/DPR, posisi meliter/ABRI dalam bidang sosial politik.

Keadaan di atas menciptakan peluang munculnya UU pilihan raya yang tidak menjamin adanya keadilan, kejujuran, kebebasan dan kerahasiaan dalam pilihan raya dan kehidupan parti politik. Keganasan dan tindak kekerasan merupakan fenomena wajar yang wujud dalam pilihan raya di Indonesia. Beli undi dan pemalsuan suara seakan-akan sudah menjadi amalan biasa dalam setiap pilihan raya.

Sebahagian pakar hukum beranggapan bahawa kelemahan ini telah diatasi dengan adanya ketetapan MPR yang mengatur perkara-perkara tersebut. Namun demikian langkah tersebut bukanlah suatu solusi akhir yang menjamin terlaksananya demokrasi yang jujur. Pengalaman menyatakan bahawa MPR mampu menghasilkan UU yang bercanggah dengan semangat demokrasi itu

sendiri. Setiap parti yang dapat menguasai kerusi majoriti MPR mempunyai peluang untuk menghasilkan seorang diktator. Sedangkan Peraturan Pemerintah (undang-undang yang dibuat oleh kerajaan) lebih banyak berpihak kepada kepentingan kerajaan semata.

Sebenarnya permasalahan utamanya adalah bahawa UUD 1945 tidak akan mampu membawa bangsa Indonesia menuju kepada kehidupan sosial, ekonomi dan politik yang aman dan tenteram. Kerana UUD 1945 bukanlah perlembagaan yang sesuai untuk bangsa Indonesia yang majoriti rakyatnya beragama Islam. UUD 1945 bersifat sementara iaitu sebagai batu loncatan untuk memenuhi suatu persyaratan bagi negara yang akan merdeka. Kondisi penyusunan dan kelahiran UUD 1945 berada di bawah pengaruh dan tekanan penjajah Jepun. Di samping itu para sarjana hukum telah membuktikan bahawa banyak kelemahan yang terdapat dalam UUD 1945.

Kelemahan hukum yang wujud dalam demokrasi Pancasila dapat diatasi apabila bangsa Indonesia mahu melirik kembali kepada sistem hukum Islam. Hukum Islam yang bersifat universal, *fleksible* dan *comprehensif* sangat sesuai untuk bangsa Indonesia yang majoriti rakyatnya beragama Islam. Kebimbangan akan berlakunya diskriminasi bagi warga negara non muslim adalah tidak bersandar pada hujjah yang kukuh. Islam sama sekali tidak memaksa warga negara non muslim untuk menggunakan hukum Islam. Mereka diberi kebebasan untuk memilih hukum agama mereka sendiri, hukum sekuler atau mahu berhukum dengan hukum Islam. Kebebasan dan keselamatan mereka dijamin sepenuhnya dalam hukum Islam.

Melihat kepada sistem pilihan raya dalam demokrasi Pancasila menggunakan sistem proposional. Sedangkan sistem distrik tidak diakui secara hukum dalam demokrasi Pancasila. Setiap perubahan sistem pilihan raya memerlukan Undang-undang yang baru. Begitu juga dengan pemilihan dan perlantikan ketua negara hanya dapat dilakukan melalui lembaga/badan perwakilan iaitu parlimen.

Di dalam sistem *Syūrā* semua cara yang bermanfaat bagi perlantikan para wakil rakyat dan ketua negara adalah sah dari sudut hukum. Pemilihan para wakil rakyat melalui sistem proposional dan distrik atau penggabungan kedua sistem tersebut dapat berlaku dalam sistem *Syūrā*. Begitu juga dengan pemilihan ketua negara sama ada dilakukan secara langsung oleh rakyat dalam pilihan raya atau memelalui perwakilan oleh *Ahl al-Syūrā*. Namun demikian sistem *Syūrā* sangat mengambil berat ke atas terjaminnya penyaluran kehendak suara rakyat. Seluruh peluang bagi pemalsuan, penekanan dan kekerasan ke atas suara dan kebebasan rakyat dalam memilih adalah berlawanan dengan hukum dan harus ditindak tegas. Sistem *Syūrā* disamping bersifat terbuka bagi perubahan sistem dan proses pemilihan juga bersikap tegas terhadap seluruh usaha pencabulan, bagi menjamin seluruh kehendak rakyat.

Kalau dikaji dari segi persyaratan seorang calon ketua negara, sistem demokrasi Pancasila juga memiliki banyak kelemahan. Persyaratan calon ketua negara tidak dapat secara maksimum menjamin kualiti ketua negara yang akan dilantik. Oleh kerana itu tidak perlu hairan apabila muncul para pemimpin yang tidak menjadi harapan rakyat.

Hal ini berbeza dengan sistem *Syūra*. Persyaratan seorang ketua negara adalah sangat ketat. Hal ini untuk menjamin bahawa ketua negara yang dilantik adalah putera terbaik bangsa. Persyaratan yang ketat ini juga untuk menjaga harapan dan kepentingan rakyat banyak. Dan yang paling penting adalah untuk menjaga kelangsungan kehidupan bernegara yang harmoni, maju dan bertamaddun.

Sistem *Syūrā* juga memberikan persyaratan yang ketat ke atas para wakil rakyat/ *Ahl al-Syūrā* . Para wakil rakyat khasnya dalam sistem perwakilan memiliki hak relatif mutlak untuk memilih siapa yang mereka suka. Rakyat yang telah mengamanahkan suaranya kepada wakil rakyat tidak ikut andil dalam proses ini. Oleh kerana itu sistem *Syūrā* memberikan persyaratan yang ketat kepada para wakil rakyat demi menjamin kepentingan dan suara rakyat awam.

Hal ini berbeza dengan sistem demokrasi Pancasila yang memberikan persyaratan yang agak longgar kepada para wakil rakyat. Oleh kerana itu para wakil rakyat tidak dapat dipastikan untuk memilih calon terbaik bagi jawatan ketua negara. Banyak kepentingan-kepentingan lain daripada kepentingan rakyat dapat merubah setiap keputusan mereka. Lobi-lobi politik dalam banyak kes lebih berpengaruh daripada amanah yang telah rakyat berikan kepada mereka.

Dari sudut kehidupan parti politik demokrasi Pancasila tidak menentukan secara tegas sistem apakah yang digunakan. Dalam perjalanan demokrasi Pancasila (di awal Orde Baru) pernah menggunakan sistem berbagai parti (*multy party system*). Sistem ini kemudian berubah menjadi sistem berbagai parti terbatas

(hanya tiga parti). Setelah reformasi sistem kepartian berubah kembali kepada sistem berbagai parti.

Dalam sistem *Syūrā* kebebasan berkumpul, bersuara dan berserikat adalah dijamin sepenuhnya. Oleh kerana itu sistem *Syūrā* menganut sistem berbagai parti. Namun demikian sistem *Syūrā* mengkhendaki bahawa parti tersebut benar-benar merupakan pertubuhan politik yang berjuang untuk rakyat dan setia kepada Islam. Parti dan ahli-ahli parti lebih mementingkan nasib rakyat daripada kepentingan-kepentingan lainnya.

Kesimpulan terakhir dan yang paling utama adalah bahawa sistem *Syūrā* lebih sesuai untuk bangsa Indonesia yang majoriti rakyatnya beragama Islam. Kerana suatu sistem yang memiliki akar yang dalam di tengah masyarakat lebih berpeluang untuk berjaya dibandingkan suatu sistem yang asing sama sekali dan bercanggah dengan keyakinan yang ada dalam masyarakat. Di samping itu sistem *Syūrā* sendiri sudah pernah diamalkan dalam pentadbiran diberbagai negeri di seluruh Nusantara.

### 3. SARANAN

#### 3.1. UNTUK KEHIDUPAN POLITIK INDONESIA.

Setelah melakukan kajian-kajian dalam beberapa bab yang lalu penulis memberanikan diri untuk memberikan beberapa saranan-saranan bagi kemajuan suasana kehidupan politik di Indonesia khususnya dan di dunia Islam secara am.

Saranan ini hanya terbatas kepada sistem perlantikan ketua negara sesuai dengan kajian yang sedang dilakukan dalam tesis ini. Walaupun demikian saranan ini juga menyinggung berbagai aspek lain yang ada hubung kait dan pengaruhnya dalam proses perlantikan ketua negara. Saranan-saranan tersebut adalah sebagai berikut:

### 3.1.1. SARANAN MENUJU PERLEMBAGAAN DAN HUKUM YANG KUAT

Untuk menghasilkan perlantikan ketua negara yang berkesan diperlukan sistem hukum yang kuat. Sistem hukum yang kuat dan paling berkesan di dunia Islam adalah syariat Islam. Syariat Islam sudah seharusnya dilaksanakan di negeri-negeri yang majoriti rakyatnya beragama Islam. Kerana umat Islam hanya akan hidup damai dan tenteram dengan berlakunya hukum Islam. Adalah suatu yang tidak adil memaksakan pelaksanaan hukum negara asing ke atas umat Islam.

Pelaksanaan syariat Islam ini bukan hanya tuntutan baru tapi ianya adalah amanah dan perjuangan para pengasas negara Indonesia. Usaha para pengasas Republik Indonesia di awal kemerdekaan untuk menjadikan hukum Islam sebagai hukum bagi umat Islam di Indonesia adalah satu bukti yang kukuh dalam isu ini. Tuntutan pelaksanaan hukum Syariat kembali berulang pada tahun 1959 walaupun berakhir dengan kegagalan setelah Presiden Soekarno mengeluarkan dekrei kembali ke UUD 1945. Dan menjadi kewajiban seluruh umat Islam untuk tetap memperjuangkan pelaksanaan hukum Islam di Indonesia.

### 3.1.2. SARANAN KE ARAH KEHIDUPAN PARTI POLITIK DAN PILIHAN RAYA YANG LEBIH BAIK.

Parti politik memiliki peranan penting dalam perantaraan ketua negara. Kebebasan bersuara dan bergerak yang dinikmati oleh parti politik akan dapat membina, menyaring dan menghasilkan calon-calon pemimpin yang berkualiti di masa hadapan. Peranan ini semakin dirasakan oleh masyarakat moden. Namun demikian kondisi ini tidak selamanya berkekalan. Banyak penguasa yang menyekat kebebasan bersuara dan bergerak sesuatu parti. Kondisi ini akan menjadikan parti politik sekadar alat pelengkap dalam proses demokrasi.

Berdasarkan kenyataan di atas maka kebebasan bersuara dan bergerak mesti diberikan kepada setiap parti selama tidak melanggar perlembagaan dan hukum yang berkuat kuasa. Setiap tekanan yang diberlakukan ke atas mana-mana parti politik bararti satu kerugian bagi perjalanan politik suatu bangsa.

Di dalam pilihan raya, parti politik hendaklah diberikan kesempatan dan kebebasan yang sama dengan yang diberikan kepada parti yang sedang berkuasa. Para calon ahli parlimen dan penyokong diberikan kebebasan sepenuhnya untuk memilih dan dipilih tanpa ada tekanan dari mana-mana kelompok.

Proses pilihan raya yang berfungsi untuk memilih para wakil rakyat atau memilih ketua negara (dalam pemilihan secara langsung) haruslah dalam keadaan yang penuh dengan kebebasan, kerahasiaan dan keadilan. Walaupun prinsip-prinsip ini terdapat dalam Undang Undang pilihan raya di Indonesia, namun ianya

hanya sekedar prinsip di atas kertas. Prinsip-prinsip tersebut tidak pernah dilaksanakan secara bersungguh-sungguh dalam setiap pilihan raya.

Para sarjana dan pengamat politik banyak mempertikaikan mengenai sistem pilihan raya di Indonesia yang menggunakan sistem proposional (*propotional system*). Sebahagian mereka mencadangkan untuk mengganti sistem tersebut dengan sistem distrik (*district system*). Padahal permasalahan sebenar bukan terletak kepada sistem pilihan raya tetapi dalam proses pilihan raya. Penyimpangan, penipuan dan kekerasan yang berlaku dalam sistem proposional juga berlaku di sebahagian negara-negara yang menggunakan sistem distrik.

Jadi kendala yang dihadapi oleh bangsa Indonesia bukanlah mengenai sistem pilihan raya (*electoral system*) tetapi berkaitan dengan proses pilihan raya (*electoral process*). Pilihan raya yang bersih dan adil mesti menjadi agenda utama kerajaan dan seluruh kelompok politik. Penyimpangan-penyimpangan yang terjadi dalam pilihan raya lebih memberi peluang kepada pemimpin yang tidak dikehendaki oleh rakyat merampas jawatan ketua negara.

### 3.1.3. SARANAN MENUJU AHLI PARLIMEN YANG BERKUALITI

Persyaratan yang ketat dan berkesan mesti diberlakukan ke atas setiap calon ahli parlimen. Syarat akhlak mulia mestilah menjadi prioriti bagi para wakil rakyat di samping kecekapan dan kepakaran yang dimilikinya. Hal ini adalah untuk menjamin wujudnya para wakil rakyat yang bermoral tinggi sehingga dapat memikul amanah rakyat. Akhlak yang rusak yang terdapat dalam diri seorang

wakil rakyat dapat membahayakan kepentingan bangsa dan negara. Kekuasaan yang telah dimilikinya melalui pemberian rakyat akan ia gunakan untuk memenuhi kepentingan pribadi dan kelompok tertentu. Hal ini tidak akan berlaku apabila setiap wakil rakyat memiliki latar belakang yang baik dan berakhlak mulia.

Seorang ahli parlimen yang berakhlak mulia akan berani memperjuangkan kepentingan rakyat walau apapun yang akan ia hadapi. Ia akan sentiasa menyuarakan dan membela nasib rakyat dengan bersungguh-sungguh dan penuh amanah seperti ia membela nyawanya sendiri. Turun padang merupakan cara yang paling berkesan untuk mengetahui keadaan sebenar rakyat sebelum menyuarakannya di parlimen. Ia akan malu apabila hanya hadir dalam persidangan-persidangan parlimen dengan berdiam diri tanpa memperdulikan nasib rakyat.

Seorang calon ahli parlimen juga harus memiliki kemampuan untuk memilih seorang ketua negara dari putera bangsa yang terbaik. Di dalam menentukan pilihannya terhadap calon-calon ketua negara, ia akan menimbang dan mengambil kira kepentingan dan kemaslahatan agama dan umat. Semua ini memerlukan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang luas. Tidak sembarangan orang yang memiliki kemampuan seperti ini.

Berkaitan dengan hal di atas ahli parlimen juga harus memahami kondisi dan keadaan rakyat yang ia wakili. Dengan pengetahuan tersebut ia dapat memilih ketua negara yang sesuai dengan kondisi dan keadaan bangsa semasa. Di samping

itu ia dapat memberikan nasihat-nasihat yang bermanfaat kepada ketua negara dalam menjalankan tugas-tugas pemerintahan.

#### 3.1.4. SARANAN MENUJU KEPADA PERSYARATAN KETUA NEGARA YANG BERKESAN

Persyaratan yang berkesan diperlukan untuk menghasilkan perlantikan ketua negara yang berkualiti. Seorang ketua negara mestilah seorang yang memiliki kemampuan dalam menjalankan roda pemerintahan. Kemampuan ini meliputi kemampuan dalam menegakkan hukum, kemampuan dalam mentadbir dan berpolitik serta kemampuan dalam membela dan memperjuangkan kemaslahatan umat. Hal ini memerlukan keilmuan, kebijaksanaan, keadilan dan kewibawaan. Seorang pemimpin yang tidak memenuhi persyaratan tersebut tidak layak untuk dicalonkan sebagai ketua negara. Hilangnya persyaratan ini dalam diri seorang pemimpin dapat membahayakan kehidupan rakyat banyak. Bahkan ianya dapat mengheret suatu bangsa kedalam jurang kehancuran.

Kesihatan jasmani perlu juga untuk diperhatikan bagi setiap calon ketua negara. Kondisi badan yang tidak sihat dapat menjejaskan seluruh aktiviti seseorang. Seseorang akan bertindak tidak wajar kerana disebabkan oleh keadaan tubuhnya yang tidak sihat. Oleh kerana itu sudah sepatutnya setiap calon ketua negara memiliki tubuh yang sihat memandangkan kepada tugas yang berat yang mesti ia laksanakan. Cukuplah satu saja ketua negara Indonesia yang menjadi bahan perbualan masyarakat dunia kerana disebabkan oleh penyakit yang dideritanya.

Persyaratan yang paling utama yang mesti diperhatikan dengan bersungguh-sungguh adalah mengenai akhlak setiap calon ketua negara. Para pemimpin yang tidak memiliki akhlak yang mulia tidak wajar sama sekali untuk dicalonkan sebagai ketua negara. Apabila kehormatan dan nilai-nilai keagamaan di tengah-tengah masyarakat tidak diambil berat oleh seorang pemimpin, maka ini suatu pertanda yang sangat menakutkan. Buruknya akhlak seorang ketua negara dapat mengacau balaukan kehidupan sosial, politik dan ekonomi suatu bangsa.

### 3.2. SARANAN KEPADA UMAT ISLAM

Dari kajian di atas menjadi jelaslah bahawa sistem yang terdapat di dalam ajaran Islam memberikan pilihan yang lebih baik kepada umat manusia. Oleh kerana itu menjadi kewajiban bagi seluruh umat Islam untuk memperjuangkan agar Islam dapat dilaksanakan dalam seluruh aspek kehidupan. Kebahagiaan umat Islam bergantung kepada sampai di mana pelaksanaan ajaran Islam telah wujud dalam kehidupan mereka. Apabila umat Islam telah melaksanakan seluruh ajaran Islam dalam kehidupan mereka maka seluruh kekayaan di langit dan di bumi akan Allah bukakan untuk mereka.

Kajian-kajian ilmiah yang berkaitan dengan sistem politik dan ekonomi Islam mesti dipertingkatkan dari masa ke semasa. Hal ini merupakan sebahagian jalan untuk membuktikan keunggulan seluruh sistem yang terdapat di dalam Islam kepada umat Islam dan kepada manusia secara keseluruhan. Krisis sosial, politik dan ekonomi yang melanda silih berganti kebanyakan negara di dunia tidak dapat lagi dijawab diselesaikan oleh sistem yang semula ada. Solusi yang terdapat dan

masih terpendam dalam khazanah Islam mesti digali dan dicungkil semula untuk kepentingan umat manusia sejagat.

Terakhir menutup kajian ini, segala usaha yang telah penulis keluarkan dalam menyiapkan tesis ini kemungkinan ada kesilapan dan kekurangan maka ianya berasal dari diri penulis sendiri. Sedangkan segala kebenaran dan kebaikan yang ada di dalamnya adalah berasal dari yang Maha 'Alim, iaitu Allah s.w.t. Semoga kajian ini dapat bermanfaat bagi kehidupan di dunia dan mendapat keredhaan Allah di akherat. Wallahu 'alamu bissawab.